

<b>Headline</b>	<b>Jenama Malaysia raih Anugerah Penjenamaan Dunia 2018</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>02 Nov 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>69,985</b>	<b>Readership</b>	<b>209,955</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Page No</b>	<b>67</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>192 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 19,855</b>		



## Jenama Malaysia rai Anugerah Penjenamaan Dunia 2018

**Malayan** Banking Bhd (Maybank) dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) adalah antara jenama tempatan yang dinobatkan sebagai pemenang peringkat kebangsaan dalam Anugerah Penjenamaan Dunia yang diadakan di State Apartments di Istana Kensington, London, semalam.

Majlis penuh berprestij itu menyaksikan kira-kira 270 jenama dari 33 negara yang dinamakan sebagai 'Jenama Terbaik Untuk Tahun Ini' adalah pengiktirafan jenama global kepada pemain industri dunia.

Selain itu, pemenang peringkat kebangsaan dari Malaysia termasuklah Getha, Golden Screen Cinemas, MML, Mr DIY, Pertama, Secret Recipe, Spritzer, Sunway Lagoon, Sunway Property dan Universiti Sunway.

Sementara itu, jenama dari Singapura yang mendapat anugerah dalam kategori sama ialah BreadTalk, DBS, Great Eastern, Raffles Education, Singapore Airlines, Singtel dan Skylight.

Pengerusi bagi Forum Penjenamaan Dunia, Richard Rowles, berkata anugerah itu meraikan pencapaian bagi beberapa jenama terbesar dari seluruh dunia.

"Dengan purata hanya enam pemenang bagi setiap negara, ia adalah pencapaian yang hebat untuk menjadi pemenang bagi anugerah ini," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

### 4,500 jenama dicalonkan

Anugerah itu turut menyaksikan Beijing Tong Ren Tang, BMW, Cartier, Club Med, JinkoSolar, Lego, L'Oreal, Louis Vuitton, Nescafe, Rolex, Samsung, Schwarzkopf dan Yakult diumumkan sebagai pemenang global bagi edisi anugerah kali ini.

Selain itu, pemenang pada peringkat wilayah ialah Ajinomoto, Uniqlo (Jepun); Giordano, Optical 88, Sasa, Shangri-La (Hong Kong); Indomie (Indonesia); LuLu; RAK Ceramics (Emiriah Arab Bersatu); MTN (Afrika Selatan) dan Zara (Sepanyol).

Pemenang dinilai secara unik melalui tiga bahagian iaitu penilaian jenama, penyelidikan pasaran pengguna dan pengundian dalam talian awam.

Sebanyak 70 peratus daripada proses pemerkahan datang daripada undi pengguna dan hanya ada satu pemenang dalam setiap kategori bagi setiap negara.

Tahun ini, anugerah berprestij itu dibagikan kepada dua acara penganugerahan, dengan jenama dari Amerika dan Caribbean dianugerahkan dalam satu acara berasingan yang diadakan lebih awal pada Julai di New York.

Ketua Eksekutif Forum berkenaan, Peter Pek, berkata lebih 4,500 jenama dari 57 negara dicalonkan pada tahun ini, dengan 351 jenama dari 49 negara diisyiharkan sebagai pemenang.

"Sebanyak 81 jenama dari 16 negara menerima anugerah di New York dan 270 pemenang dari 33 negara menerima anugerah di London.

"Bukan setiap negara mendapat penghargaan, kerana beberapa jenama tidak mendapat undi yang mencukupi untuk melayakkan diri," katanya.